

## LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Jaminan Bank (BG)** dengan Affin Bank Berhad ("pihak Bank"). Sila pastikan yang anda juga telah membaca dan memahami semua terma dan syarat di dalam Surat Tawaran. Anda boleh mendapatkan penjelasan lanjut dari pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am khususnya terma-terma yang mempengaruhi kewajipan anda.



### 1. Apakah produk ini?

Jaminan Bank (BG) merupakan suatu jaminan secara bertulis oleh pihak Bank untuk membayar pihak yang dijamin (benefisiari) sejumlah amaun yang telah dipersetujui sekiranya pelanggan gagal atau mungkir dalam memenuhi obligasinya di bawah terma dan syarat jaminan tersebut. Berikut adalah jenis-jenis BG yang dikeluarkan oleh Affin Bank Berhad:

- a) Jaminan Bon Tender  
Bertujuan untuk membida sesuatu projek/ kontrak melalui proses pemilihan kontraktor yang layak. BG ini kebiasaannya adalah untuk tempoh beberapa bulan sahaja.
- b) Jaminan Bon Pelaksanaan  
Bertujuan untuk menjamin pelaksanaan/ penyempurnaan kerja/ bekalan oleh kontraktor ke atas kontrak/ projek yang ditawarkan ke atasnya. Jumlah BG ini pada kebiasaannya adalah 2.5% atau 5% daripada jumlah keseluruhan kontrak/ projek dan akan berkuatkuasa sehingga tamat tempoh kontrak/ projek atau sehingga tamat tempoh liability kerosakan/ waranti.
- c) Jaminan Bayaran Wang Pendahuluan  
Bertujuan untuk menjamin bayaran balik ke atas wang pendahuluan yang telah dekemukakan oleh pemilik kontrak / projek (benefisiari) kepada kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal menyempurnakan kerja-kerja ke atas kontrak / projek tersebut, wang pendahuluan yang telah dibayar akan dituntut dari pihak Bank.
- d) Jaminan Cagaran Prestasi/ Deposit Security  
Bertujuan untuk menjamin bayaran ke atas bil-bil perkhidmatan oleh Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan sebagainya, bagi menjamin keselamatan dan bayaran ke atas cukai / duti oleh Kastam Diraja Malaysia termasuk lain-lain bayaran bagi pembelian barangan atas terma kredit.

### 2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

- BG merupakan satu jaminan dan obligasi bayaran oleh pihak Bank yang dapat memudahkan anda mengembangkan urusan perniagaannya ke pasaran baru.
- Sebagai komitmen kewangan yang berterusan oleh kontraktor (pemohon) bagi memastikan penyempurnaan kontrak/ projek

### 3. Apakah kewajipan saya?

- Membuat pembayaran serta merta kepada pihak Bank bagi jumlah penuh BG termasuk caj-caj Bank yang berkaitan sekiranya berlaku tuntutan ke atas BG oleh pihak yang dijamin (benefisiari), samada pihak Bank telah mendahulukan bayaran tersebut atau sebaliknya.
- Membuat pembayaran ke atas sebarang fi dan caj ketika BG dikeluarkan atau yang berkaitan dengan BG pada bila-bila masa seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.
- Memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk debit akaun anda dengan pihak Bank sebarang jumlah yang dituntut oleh pihak Bank termasuk sebarang caj, faedah, kos atau bayaran yang telah dibayar oleh pihak Bank berhubung BG tersebut.

#### 4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Fi dan Caj	Amaun (RM)
Pengeluaran BG	Kadar yang ditetapkan mengikut syarat surat tawaran sebulan (atau sebahagian daripadanya). Minimum RM100.00
Pindaan BG (lanjut tempoh/ tambah nilai)	Kadar yang ditetapkan mengikut syarat surat tawaran sebulan (atau sebahagian daripadanya). Minimum RM100.00
Pindaan BG (lain-lain terma)	RM50.00
Penyemakan Format BG	RM250.00
Serah Hak BG	RM250.00
Duti Setem	
• BG	RM10.00
• Surat Indemniti	RM10.00
Caj SWIFT	
• Pengeluaran BG Asing	RM30.00
• Pindaan BG Asing	RM15.00
Caj Pos	RM10.00

*Nota: Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang diterbitkan di <https://www.affinalways.com/bm/rates-and-pricing>*

#### 5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

- Sekiranya pihak Bank telah mendahulukan pembayaran bagi sebarang tuntutan BG, denda/ penalti dengan kadar faedah sejumlah 3.5% setahun atas Kadar Pinjaman Asas atau pada kadar seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran akan dikenakan atas pemohon dari tarikh bayaran tuntutan BG tersebut sehingga tarikh pembayaran balik jumlah pendahuluan penuh dan terakhir.
- Kemudahan BG serta lain-lain bentuk kemudahan pihak Bank yang telah diberi kepada pemohon akan digantung jika berlaku tunggakan pembayaran balik jumlah yang didahulukan.
- Pihak Bank berhak untuk melaksanakan process pemulihan dan/ atau tindakan undang-undang jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Anda juga bertanggungjawab untuk menanggung semua kos tindakan undang-undang.
- Bagi kewajipan anda yang lain, sila rujuk Surat Tawaran dari pihak Bank.

#### 6. Apakah risiko utama?

- BG adalah perjanjian di antara pihak Bank dan benefisiari sahaja dan tidak terikat oleh kontrak yang berkaitan dengannya. Sebarang tuntutan ke atas BG yang diterima oleh pihak Bank tidak boleh dipertikaikan oleh pemohon. Oleh yang demikian, pemohon berisiko dengan tuntutan palsu oleh pihak benefisiari.
- BG yang tidak mempunyai tempoh sahlaku yang tetap akan terus berkuatkuasa sehingga pihak Bank dilepaskan oleh benefisiari. Oleh yang demikian, tanggungjawab pemohon terhadap pihak Bank juga akan berterusan sehingga pihak Bank mendapat pelepasan tersebut.

## 7. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, sila hubungi pihak Bank secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, sila hubungi:

### **Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi**

**Tingkat 9, Menara Affin**

**Lingkar TRX, Tun Razak Exchange,**

**55188 Kuala Lumpur**

**Pusat Panggilan : 03-8230 2222**

**E-mel : [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)**

**Laman Web : <https://www.affinalways.com>**

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

### **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

**Tingkat 5 dan 6,**

**Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce),**

**Jalan Raja Laut,**

**50350 Kuala Lumpur**

**Telefon : 03-2616 7766**

**E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

**Laman Web : [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)**

**Waktu Operasi : 9.00 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)**

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia (BNM) Link atau Telelink di:

### **BNMLINK**

**Bank Negara Malaysia**

**Peti Surat 10922**

**50929 Kuala Lumpur**

**Telefon : 1-300-88-5465**

**eLINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>**

## 8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami (secara bertulis dihantar ke cawangan pemegang akaun) tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan Affin Bank Berhad berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-8230 2222 atau layari laman web kami di [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com)

## 10. Kemudahan lain yang ditawarkan

Pihak Bank menawarkan kemudahan bil perdagangan lain seperti Penerimaan Jurubank (BA), Bil Perundingan (BN), Pembelian Bil Pertukaran (BEP), Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR), Surat Kredit (LC), Jaminan Perkapalan (SG), Pinjaman Perdagangan-Fleksi (FTL) dan Resit Amanah (TR)

**Penafian:**

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi sebarang pandangan untuk mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara lain-lain yang dinyatakan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan disediakan untuk makluman dan rujukan anda sahaja. Affin Bank Berhad tidak menjamin manfaat atau kelengkapan maklumat yang diberikan dan tidak bertanggungjawab untuk sebarang ralat dan tidak bertanggungjawab bagi kesan yang timbul daripada mana-mana pendapat atau kenyataan yang terkandung di dalam lembaran ini atau untuk sebarang pengecualian. Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara keseluruhan atau sebahagian) kepada mana-mana individu tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Affin Bank Berhad.

**Ketelusan dan Pendedahan Produk:**

Affin Bank Berhad komited dalam memastikan pelanggan dilayan dan dibimbing di bawah panduan BNM, **Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan** dan **Pelakuan Perniagaan yang Dilarang**.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MENERUSKAN PEMBAYARAN KEMUDAHAN ANDA.**

*Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari 30 September 2023*

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_